

**S**ERAMAI 163 mahasiswa dan mahasiswi dari unit kurikulum Brigid Bomba dan Penyelamat Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menyertai perkhemahan jati diri di Pulau Mamutik, dekat ibu negeri, hujung minggu lepas.

Perkhemahan yang berjalan selama dua hari satu malam itu merupakan salah satu program yang mampu meningkatkan imej Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah di kalangan pelajar universiti khususnya UMS.

Selain itu, ia turut memberikan pendedahan dan pengalaman sebenar suasana berkhemah kepada para pelajar di samping mampu membina jati diri yang akan digunakan untuk kehidupan selepas bergelar graduan universiti kelak.

Program itu juga dilihat dapat menanamkan semangat setiaawan dan berpasukan dalam kalangan ahli Brigid Bomba UMS selain sebagai salah satu aktiviti riadah para pelajar pada masa lapang yang mana akan mengurangkan masalah sosial dalam kalangan mereka.

Sedikit sejarah mengenai penubuhan Brigid Bomba, JBPM Sabah merupakan salah satu badan beruniform yang telah dilantik dan diberi kepercayaan oleh pihak UMS untuk memberi tunjuk ajar kepada pelajar-pelajar yang telah memilih memasuki Brigid Bomba dan Penyelamat dalam matapelajaran kurikulum mereka.

Sehubungan itu, salah satu mata pelajaran latihan yang telah ditetapkan ialah mengadakan aktiviti luar seperti perkhemahan yang dapat memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan ilmu kebombaan dan motivasi diri kepada pelajar yang terlibat.



(Gambar kanan) KENANGAN ... Para peserta perkhemahan sempat merakamkan kenangan bersama jurulatih dan pihak urusetia.



(Gambar bawah) PENERANGAN ... Khirudin bersama Ketua Unit Skuba, PBK I Jeffri Abd Rahman (kiri) memberi penerangan tentang cara penggunaan peralatan menyelam kepada para peserta.

Hasil pembelajaran sepanjang perkhemahan itu, ia memberi peluang kepada para pelajar Brigid Bomba dan Penyelamat mendalamai ilmu kebombaan dengan lebih praktikal.

Ia juga bertujuan untuk memantapkan disiplin dalam kalangan ahli Brigid Bomba dan Penyelamat agar lebih bermatlamat serta memberi peluang kepada mereka

untuk mengenali masyarakat setempat dan menghayati keindahan alam.

Antara pendedahan

yang dijalankan sepanjang perkhemahan itu termasuklah cara-cara penyelamatan di dalam air, meredah hutan atau lebih dikenali sebagai 'jungle tracking' dan juga ceramah tentang aktiviti kebombaan yang dilakukan sendiri oleh Pengarah JBPM Sabah, Khrudin Drahman.

Selain menyertai aktiviti itu, para pelajar juga sebenarnya turut terdedah dengan pelbagai lagi pengalaman termasuklah pengalaman cara hidup sebenar ketika berkhemah seperti menyediakan makan minum secara bergotong-royong dan lain-lain lagi.

Walaupun dalam masa dua

hari sahaja, para pelajar juga sebenarnya tetap membawa balik bekalan ilmu yang sangat berguna di mana ianya boleh dipraktikkan pada masa akan datang termasuklah jika mereka berminat untuk menghadiri temuduga menjadi ahli bomba sebenar.

Seperti kata Khrudin, ahli Brigid Bomba sebenarnya mempunyai sedikit kelebihan jika suatu hari nanti mereka hadir pada temuduga yang dibuat JBPM.

Menurutnya, kebanyakan pelajar yang menyertai Brigid Bomba ini sedikit sebanyak telah didekah dengan aktiviti kebombaan termasuklah dalam menjalankan operasi memadam kebakaran serta menyelamat.

"Bagaimanapun, mereka juga perlu melalui ujian fizikal pada temuduga nanti akan tetapi kita memang menggalakkan mereka (ahli Brigid Bomba) untuk menyertai kami di masa akan datang."

"Pada temuduga lalu juga, kesemua yang dipilih mempunyai latar belakang pernah menyertai Brigid Bomba dan Kadet Bomba ketika masih belajar dulu," katanya.

Ketika berucap pada majlis penutupan perkhemahan itu, Khrudin berharap melalui



BERSAMA MEDIA ... Rakan-rakan media bersama sebilangan Pegawai JBPM Sabah semasa perkhemahan itu.



(Gambar atas) MARI BERSENAM ... Senaman pagi bersama jurulatih yang terdiri daripada pegawai-pegawai JBPM Sabah sebelum aktiviti 'jungle tracking' dan latihan menyelamat di air.

(Gambar kanan) UCAPAN PENUTUP ... Khrudin ketika berucap pada majlis penutupan perkhemahan jati diri Brigid Bomba UMS.



(Gambar bawah) CENDERAKENANGAN ... Komandan perkhemahan, Agustavia Joe Guasi (kiri) menyampaikan cenderakenangan kepada Khrudin sambil disaksikan oleh Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum Pemaju Pelajar UMS, Khairil A. Bean (dua dari kanan), dan Komandan Akademi Bomba Dan Penyelamat Malaysia (ABPM) Sabah, Zainal Bin Madasin.

perkhemahan yang dilakukan itu akan memberikan pengalaman dan pendedahan sebenar berkaitan dengan perkembangan semasa.

"Saya juga harap program ini telah mewujudkan semangat kecintaan dan bangga terhadap Malaysia seterusnya mencapai segala matlamat dan objektif yang telah dirancangkan selain dapat memantapkan disiplin dalam kalangan para pelajar," katanya.

